

PENTING/PENAFIAN: INI MERUPAKAN PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET PELABURAN PENDASAR DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS) (Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan Terma dan Syarat yang Mengawal Akaun Pelaburan Bertempoh-i sebelum anda memohon dan membuat keputusan untuk melabur dalam Akaun Pelaburan Bertempoh-i)	Public Islamic Bank Berhad 197301001433 (14328-V) AKAUN PELABURAN BERTEMPOH-i (WAKALAH) Tarikh: Produk ini tidak dilindungi oleh PIDM.
--	---

1. Apakah produk ini?	
Kontrak Syariah yang diterima pakai	<ul style="list-style-type: none"> <i>Wakalah</i> merujuk kontrak yang mana satu pihak, sebagai pihak utama (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen beliau/mereka (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara yang boleh diwakilkan dengan pengenaan fi atau tanpa pengenaan fi. <i>Wakalah bi al-Istithmar</i> merujuk kontrak agensi (<i>wakalah</i>) untuk pelaburan. Bank hendaklah memperoleh fi agensi untuk perkhidmatan yang diberikan sebagai ejen. <i>Ju'alah</i> merujuk kontrak yang mana satu pihak (<i>ja'il</i>) menawarkan pampasan khusus (<i>ju'ul</i>) kepada sesiapa (<i>'amil</i>) yang akan mencapai hasil yang ditetapkan dalam tempoh yang diketahui atau tidak diketahui. Di bawah Akaun Pelaburan Bertempoh-i ini, Pemegang Akaun Pelaburan (IAH) sebagai <i>muwakkil</i> atau pihak utama membenarkan Bank sebagai wakil atau ejen untuk melaksanakan aktiviti pelaburan dan sebagai balasan, Bank akan menerima fi untuk perkhidmatan yang diberikan.
Jenis Akaun Pelaburan	Ini merupakan akaun pelaburan tidak terhad yang mana IAH memberikan mandat kepada Bank untuk membuat keputusan mutlak tanpa menyatakan apa-apa had atau syarat tertentu.
Pihak-pihak yang Terlibat dalam Aktiviti Pelaburan serta Peranan dan Tanggungjawab Mereka	Pihak-pihak yang terlibat ialah IAH dan Bank, yang mana: <ul style="list-style-type: none"> IAH (<i>muwakkil</i>) akan melantik Bank sebagai ejen beliau/mereka (<i>wakil</i>) dan IAH akan memberikan mandat dan membenarkan Bank untuk menguruskan dana pelaburan dan menjalankan aktiviti pelaburan patuh Syariah untuk IAH. IAH tidak akan terlibat dalam aktiviti pelaburan. Fi <i>Wakalah</i> akan ditolak terlebih dahulu daripada dana pelaburan yang diterima oleh Bank daripada IAH menurut Terma dan Syarat yang Mengawal Akaun Pelaburan Bertempoh-i. Dana pelaburan (selepas penolakan fi <i>Wakalah</i>) akan dilaburkan dalam portfolio patuh Syariah khusus Bank. Pulangan yang dijana daripada pelaburan akan diagihkan kepada IAH berdasarkan pulangan sebenar yang dijana oleh Bank. Pelaburan ini adalah berdasarkan prestasi aset pelaburan pendasar dan pelaburan pokok serta pulangnya tidak dijamin oleh Bank.

2. Siapakah yang sesuai untuk produk ini?	
Jenis Pelabur	<ul style="list-style-type: none"> Individu berumur 18 tahun dan ke atas. Bukan Individu iaitu Empunya Tunggal, Perkongsian, Entiti Korporat, Persatuan, Kelab, Pertubuhan dan Sekolah. Pemastautin Malaysia.
Objektif Pelaburan	Memelihara modal sambil menghasilkan pulangan yang stabil melalui pelaburan berisiko rendah hingga sederhana.
Risiko Pelaburan	Amaun pokok pelaburan dan pulangnya tidak dijamin.
Saiz Dana Pelaburan Maksimum	RM200 juta


3. Saya melabur dalam pelaburan apa?																	
Objektif Pelaburan	Ini merupakan pelaburan berisiko rendah hingga sederhana untuk meraih pulangan yang stabil.																
Strategi Pelaburan	Dana akan dilaburkan dalam portfolio terpilih Bank bagi aset runcit patuh Syariah iaitu Pembiayaan Peribadi-i (PF-i)																
Mata wang	Malaysia Ringgit sahaja																
Risiko Prestasi Aset Pelaburan	Penilaian dan butiran portfolio pelaburan boleh dilihat dalam Laporan Prestasi Dana yang boleh didapati pada setiap suku tahun melalui laman web PIBB (www.publicislamicbank.com.my).																
Pelaburan Minimum	RM1,000.00																
Tempoh Pelaburan	3, 6 dan 9 bulan																
Kaedah Pengiraan Pembayaran Pulangan	Kadar pulangan adalah seperti yang disiarkan melalui laman web PIBB. Pulangan hendaklah diagihkan berdasarkan keadaan yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Sekiranya Kadar Sebenar Pulangan melebihi atau sama dengan Kadar Pulangan yang Dijangka (ERR); <ul style="list-style-type: none"> Bank akan membayar ERR kepada IAH; dan Apa-apa lebihan akan dikekalkan oleh Bank sebagai fi insentif prestasi (<i>Ju'alah</i>). b) Sekiranya Kadar Pulangan Sebenar kurang daripada ERR; <ul style="list-style-type: none"> Bank akan membayar modal pelaburan (bergantung pada prestasi aset pelaburan pendasar) tambah Pulangan Sebenar (jika ada) kepada IAH; dan Kerugian (jika ada) hendaklah ditanggung oleh IAH dengan syarat kerugian tersebut bukanlah disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma tertentu oleh Bank. <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 10px;"> Pengiraan Pulangan: Prosid Pulangan = Amaun Pelaburan x Kadar Pulangan x Tempoh / 365* </div> <p><i>*Nota: Hari dalam tahun kalendar (365/366)</i></p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 5px;"> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td colspan="4">Contoh Pengiraan:</td> </tr> <tr> <td style="width: 30%;">Tarikh Peletakan</td> <td style="width: 30%;">: 1/11/2025</td> <td style="width: 30%;">Tarikh Matang</td> <td style="width: 10%;">: 31/1/2026</td> </tr> <tr> <td>Amaun Pelaburan</td> <td>: RM50,000</td> <td>Tempoh Pelaburan</td> <td>: 92 hari</td> </tr> <tr> <td>Pulangan yang Dijangka</td> <td>: 3.40%</td> <td></td> <td></td> </tr> </table> <p><i>Ilustrasi 1 (Pulangan Sebenar melebihi Pulangan yang Dijangka):</i> Pulangan sebenar: 3.50% Prosid pulangan: $RM50,000 \times 3.40\% \times 92 \text{ hari}/365 = RM428.50$</p> <p><i>Ilustrasi 2 (Pulangan Sebenar kurang daripada Pulangan yang Dijangka):</i> Pulangan sebenar: 3.30% Prosid Pulangan: $RM50,000 \times 3.30\% \times 92 \text{ hari}/365 = RM415.90$</p> </div>	Contoh Pengiraan:				Tarikh Peletakan	: 1/11/2025	Tarikh Matang	: 31/1/2026	Amaun Pelaburan	: RM50,000	Tempoh Pelaburan	: 92 hari	Pulangan yang Dijangka	: 3.40%		
Contoh Pengiraan:																	
Tarikh Peletakan	: 1/11/2025	Tarikh Matang	: 31/1/2026														
Amaun Pelaburan	: RM50,000	Tempoh Pelaburan	: 92 hari														
Pulangan yang Dijangka	: 3.40%																
Kaedah Pengagihan Pulangan Pengeluaran/Penebusan	Pulangan akan dikreditkan secara automatik kepada Akaun Simpanan/Semasa-i (CASA-i) pada tarikh matang. <ul style="list-style-type: none"> Selepas Matang: IAH boleh menebus pelaburan selepas matang yang mana IAH mungkin menerima amaun pelaburan pokok mengikut prestasi aset pelaburan pendasar bersama-sama dengan pulangan (jika ada). Penebusan Awal: Sekiranya IAH menebus pelaburan sebelum matang iaitu sebelum tarikh matang, IAH hendaklah bersetuju untuk menerima jumlah kurang daripada amaun pelaburan pokok permulaan mereka tertakluk pada prestasi aset pelaburan pendasar. Penebusan Sebahagian: Penebusan sebahagian tidak dibenarkan. 																

3. Saya melabur dalam pelaburan apa?, samb.

Prosedur Pelaburan Semula	<ul style="list-style-type: none"> IAH boleh melabur semula amaun pelaburan pokok sahaja atau amaun pelaburan pokok bersama-sama dengan pulangan yang diterima. Melainkan sebaliknya dimohon oleh IAH, Bank hendaklah secara automatik memperbaharui semula akaun selepas tarikh tamat tempoh peletakan semasa. Apa-apa perubahan dalam kadar pulangan bagi akaun yang diperbaharui adalah seperti Kadar Pulangan yang Dijangka kaunter semasa Bank. Perubahan dalam kadar pulangan hanya akan berkuat kuasa selepas tempoh peletakan sedia ada tamat.
Pembukaan Akaun	<ul style="list-style-type: none"> Di Kaunter (OTC) di Cawangan PIBB atau cawangan PIBB yang terletak bersama di cawangan PBB. IAH dikehendaki membuka CASA-i dengan Bank.
Perlindungan oleh PIDM	<ul style="list-style-type: none"> Produk ini TIDAK Dilindungi oleh PIDM.

4. Apakah kemungkinan hasil pelaburan saya?

IAH berpotensi mendapat Pulangan yang Dijangka atau mungkin kehilangan amaun pelaburan pokok bergantung pada prestasi aset. Amaun pelaburan pokok dan pulangan pelaburan tidak dijamin.

4.1 Prestasi Dana (Penanda Aras)


- Kadar penanda aras adalah berdasarkan Deposit Bertempoh-i (TD-i) Bank terdahulu untuk pulangan tempoh 12 bulan dan 6 bulan.

Tahun	2019	2020	2021	2022	2023	2024
TD-i Tempoh 12B	3.10	1.85	1.85	2.80	2.70	2.50
TD-i Tempoh 6B	3.05	1.80	1.80	2.75	2.70	2.50

4.2 Kemungkinan untung dan rugi masa hadapan (*Notis Penting: Prestasi pelaburan terdahulu bukan petunjuk bagi prestasi pada masa hadapan.)
Pasaran Terbaik

OPR	Kadar Pulangan Kepada IAH
3.50%	3.57%

Pasaran Terburuk

OPR	Kadar Pulangan Kepada IAH
1.75%	2.44%

5. Apakah risiko utama berkaitan dengan produk ini?

Tanpa mengambil kira bahawa Bank hendaklah menumpukan kepada strategi pelaburan selamat dengan risiko minima bagi memastikan pemeliharaan modal dan pulangan maksimum, IAH perlu menyedari pelbagai faktor risiko berkaitan dengan produk ini:

- Risiko Kehilangan Modal:** risiko pengurangan nilai amaun pelaburan asal. Oleh itu, Bank akan melabur dalam pelbagai aset dengan ciri-ciri risiko rendah.
- Risiko Pasaran:** risiko pergerakan dalam pemboleh ubah pasaran kewangan yang mungkin memberi kesan kepada prestasi keseluruhan pelaburan. Risiko hendaklah diuruskan menurut rangka kerja risiko Bank yang diluluskan. Bank hanya akan melabur dalam pelbagai portfolio pelaburan dengan ciri-ciri risiko rendah hingga sederhana bagi memastikan risiko kekal dalam tahap toleransi risiko yang ditetapkan.
- Risiko Kecairan:** risiko yang Bank akan hadapi kesukaran untuk memenuhi pengeluaran atau penebusan daripada IAH. Risiko ini hendaklah diuruskan oleh Bank menurut strategi pengurusan kecairan keseluruhan Bank.
- Risiko Kredit:** risiko kerugian kewangan berikutan amaun ketara aset pendasar TIA-i gagal dibayar. Risiko ini hendaklah diuruskan oleh pilihan pelbagai portfolio aset yang berhemat dan memastikan risiko kredit kekal dalam tahap toleransi risiko yang ditetapkan.
- Risiko Operasi:** risiko proses dalaman, kakitangan, sistem yang tidak mencukupi atau gagal atau daripada peristiwa luar. Bank akan melaksanakan kawalan operasi mengikut dasar dan garis panduan dalaman Bank.
- Risiko Tidak Mematuhi Syariah:** risiko sekatan undang-undang atau pengawalseliaan, kerugian kewangan atau implikasi bukan kewangan berikutan kegagalan untuk mematuhi Majlis Penasihat Syariah (SAC) Bank Negara Malaysia dan/atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan mana-mana dasar Syariah pengawalseliaan yang berkaitan. Pelaburan ini hendaklah diselia rapat oleh Jawatankuasa Syariah Bank.
- Risiko Keputusan Pelaburan:** risiko kemungkinan kesan negatif daripada penyalahgunaan atau rekaan/pelaksanaan model yang kurang baik, yang boleh mengakibatkan kerugian kewangan, proses membuat keputusan perniagaan atau strategik yang kurang baik atau kehilangan reputasi. Risiko ini hendaklah diuruskan oleh pilihan portfolio aset yang berhemat dan amalan pengurusan pelaburan yang baik.
- Risiko Tidak Mematuhi Pengawalseliaan:** risiko ini timbul apabila pelaburan gagal mematuhi parameter pelaburan yang ditetapkan oleh pengawal selia yang berkenaan. Risiko hendaklah diuruskan menurut dasar dan prosedur Bank dan pengawal selia.
- Risiko industri:** pendedahan risiko kepada pelbagai elemen risiko dalam industri aset pelaburan. Risiko ini hendaklah diuruskan dengan pilihan portfolio aset yang berhemat.

Notis Penting: Anda dinasihatkan agar mempertimbangkan dengan teliti semua faktor risiko sebelum membuat keputusan untuk melabur.

6. Apakah Fi dan Caj yang Terlibat?

Fi dan caj yang dikenakan untuk produk ini boleh didapati melalui laman web PIBB (www.publicislamicbank.com.my) dan seperti yang dipaparkan di cawangan:

Perkara	Amaun
Resit Akaun Pelaburan Bertempoh-i Hilang/Disalah Letak (selepas pelaksanaan Borang Tanggung Rugi)	RM5.00 caj perkhidmatan gantikan tambah RM10.00 Duti Setem untuk Surat Tanggung Rugi bagi Kehilangan Resit TIA-i
Pemohonan penyata bercetak	RM2.00 setiap muka surat
Fi Agensi (<i>Wakalah</i>)	Dikecualikan oleh pihak Bank

7. Strategi penilaian yang diguna pakai, kekerapan dan penerbitan

Penilaian aset pelaburan akan dilaksanakan secara minimum setiap bulan seiring dengan kriteria pengisytiharan dan penilaian Standard Pelaporan Kewangan Malaysia yang diterima pakai (MFRS). IAH boleh mendapatkan maklumat berkaitan dengan Akaun Pelaburan melalui laman web PIBB kami (www.publicislamicbank.com.my).

8. Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami (notis bertulis untuk dihantar kepada cawangan pemegang akaun) mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Siapakah yang patut saya hubungi untuk maklumat lanjut atau membuat aduan?

Sekiranya anda mempunyai apa-apa soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk ini, anda boleh hubungi:

Public Islamic Bank Berhad
 Tingkat 25, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang,
 50450 Kuala Lumpur
 Tel.: 03-2170 8000 Faks: 03-2162 2224
 E-mel: islamicbkg@publicislamicbank.com.my
 Laman Web: <https://www.publicislamicbank.com.my>

BNMLINK
 Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,
 50480 Kuala Lumpur
 Tel.: 1-300-88-5465
 Faks: 03-2174 1515
 Laman Web: <https://www.bnmlink.bnm.gov.my>

PERINGATAN: PULANGAN BAGI AKAUN PELABURAN INI AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PELABURAN PENDASAR. AMAUN PELABURAN POKOK DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN MENGAMBIL RISIKO TIDAK MEMPEROLEH APA-APA PULANGAN. SEKIRANYA PELABURAN DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN MENANGGUNG KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH POKOK YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.